



JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN
HARI AUDIT 1 MALAYSIA
&
PERSIDANGAN
JURUAUDIT SEKTOR AWAM
TAHUN 2014



PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2014

1. Pengenalan

Persidangan Juruaudit Sektor Awam telah diadakan pada sebelah petang 24 November 2014, iaitu pada hari Isnin bermula pukul 2.00 petang dan bersambung ke hari berikutnya, Selasa, 25 November 2014 dan tamat pada pukul 1.00 tengah hari. Persidangan tersebut adalah berkesinambungan daripada beberapa program utama yang diadakan sebelum itu merangkumi lima hari bermula pada 21 November 2014 iaitu Ceramah berskala besar, Program Kecergasan Jabatan, Pelancaran Pelan Integriti Jabatan Audit Negara, Program Kemasyarakatan dan Hari Audit 1Malaysia yang telah disempurnakan perasmian oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman, Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir.

2. Perasmian Persidangan

Acara perasmian disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang, Ketua Audit Negara. Dalam ucapan beliau, antara perkara utama yang dibangkitkan adalah:

- Persidangan ini sepatutnya dijadikan platform penting di kalangan para juruaudit bagi berkongsi pengalaman dan maklumat selain membincangkan isu – isu penting yang berkaitan tugas dan tanggungjawab masing-masing.
- Peranan para juruaudit menjelang RMK 11 di mana beliau membangkitkan keperluan untuk bersedia dengan pertambahan beban tugas yang mungkin dalam masa sama tidak disokong oleh tambahan staff, tambahan bajet. Para juruaudit perlu bersedia untuk kerja lebih kuat dan tidak mengharapkan tambahan staff atau bajet.
- Antara saranan YBhg Tan Sri berkenaan beberapa strategi untuk juruaudit dalam menghadapi cabaran adalah:
 - Warga Audit perlu melakukan perubahan drastik dalam menjalankan tugas pengauditan terutama transformasi minda (thinking out of the box) selaras dengan agenda transformasi negara;
 - Melaksanakan *Blue Ocean Strategy* antara sektor dan antara cawangan audit negeri dalam melaksanakan sesuatu tugas pengauditan. *There is no silo thinking*;
 - Mempertimbangkan strategi redeployment memandangkan tiada tambahan jawatan;
 - Melihat taburan *talent-talent* di JAN dan UAD iaitu dengan mengenal pasti *key individuals* untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan JAN. Ini adalah untuk menangani cabaran pelaksanaan Perakaunan Akruan dan

- Cukai Barang & Perkhidmatan (GST); persaraan wajib pegawai-pegawai tertinggi yang berpengalaman luas pada tahun 2015 dan 2016; dan
- Mengurus sumber manusia dengan sebaiknya dengan mewujudkan *Succession Plan* yang teratur. Dalam hal ini, akan ada penstrukturan dan pertukaran penempatan.
 - Tanggungjawab Jabatan sudah dilihat semakin penting dalam pentadbiran kerajaan. Antara tugas tambahan ialah pengauditan MRT dan projek High-Speed Rail antara Malaysia dan Singapura. Tugas terbaru adalah penglibatan JAN dalam program pemuliharaan Cameron Highland dan projek Rapid Johor (projek *Oil & Gas* di Pengerang, Johor yang diterajui oleh PETRONAS dan pihak swasta. Ini menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap kewibawaan Jabatan semakin meningkat. Oleh yang demikian, strategi perlu difikirkan untuk mengekalkan kepercayaan ini.
 - Hubungan kerjasama antara Unit / Bahagian Audit Dalam kementerian dan agensi dengan Audit Luar dapat menggembeng tenaga menghasilkan laporan audit yang berkualiti. Dalam masa yang sama Sektor Audit Persekutuan dan Negeri juga bergerak sebagai satu pasukan dalam pelaksanaan *undergroud inspection*.
 - Demi kepentingan Jabatan, adalah amat perlu para juruaudit yang berkemahiran dikumpulkan di ibu pejabat demi pengukuhan kualiti dan kredibiliti Jabatan. Jabatan sedang mengenalpasti *talents* yang berada di UAD untuk kembali ke ibu pejabat demi kepentingan jabatan yang akan melaksana banyak perkara baru dalam hal-hal pengauditan.
 - Ditegaskan perlunya ada *talent scouting* untuk *sucession plan* Selamanya Jabatan tidak boleh bergantung kepada tahap senioriti. Ianya membawa kepada tiada pembaikan kelemahan diri sendiri dan perlunya wujud mentaliti baru untuk tiada terasa hati apabila ada pegawai muda lebih talented dan knowledgeable. Konsep *fast-tracking* difikirkan mungkin perlu dikaji oleh pihak Sumber Manusia untuk dapat menjadi idea praktikal.
 - Perkembangan tentang pelan transformasi Jabatan Audit Negara juga telah dibangkitkan. YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa transformasi JAN sedang dikaji di peringkat Jemaah Menteri. *Peer Review* daripada Institusi Audit United Kingdom (UK NAO) akan dilaksanakan pada bulan Disember. Hasil semakan UK NAO ini akan digunakan sebagai input kepada kertas transformasi Jabatan. Hasil kajian transformasi ini dimaklumkan akan diketahui dalam tempoh 6 bulan lagi.

- Beliau mengharapkan dalam perbincangan forum, panelis UAD boleh berkongsi isu dan cabaran yang dihadapi serta peranan UAD memandangkan UAD telah diperkasakan dengan memberi akses yang lebih iaitu sampai kepada Menteri. Perhatian perlu diberi kepada tindakan susulan Kementerian/Jabatan/Agensi dengan mengambilkira persepsi luar – Sama ada tindakan yang diambil setimpal/tindakan yang tidak menyakinkan atau *below expectation*.

Di akhir ucapan beliau, YBhg. Tan Sri menekankan **“Whether You Like Or Not, Have To Transform”**.

3. Sesi Forum

Sesi pertama persidangan dimulakan sejurus selepas sempurnanya ucapan perasmian oleh YBhg. Ketua Audit Negara. Dalam sesi ini, telah diadakan forum yang bertajuk **“Isu dan Cabaran Unit Audit Dalam Menjayakan Program Transformasi Kerajaan”**. Tanggungjawab sebagai moderator forum berkenaan telah diserahkan kepada Pn. Hajjah Kartina Binti Zamhari yang merupakan Ketua Timbalan Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara. Tiga orang panelis telah dijemput untuk menjayakan forum ini iaitu

- Encik Azunan Daud, Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Belia dan Sukan
- Puan Rosni Razali, Ketua Unit Audit Dalam, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
- Puan Rokiah Saad, Ketua Unit Audit Dalam, Universiti Utara Malaysia

Pembentangan panelis pertama, En. Azunan menerangkan pengalaman beliau dalam transformasi agensi semasa berkhidmat sebagai Ketua Audit Dalam MARDI. Secara keseluruhan, En Azunan banyak menyentuh berkenaan struktur organisasi dan hal-hal berkaitan proses kerja. Antara cabaran yang dihadapi berdasarkan perspektif panelis pertama ini merangkumi keupayaan untuk menyelesaikan tugas yang bersifat Ad-hoc. Selain itu, tahap kerjasama yang ditunjukkan antara Audit Dalam dengan agensi terutamanya apabila melibatkan pelaksanaan pengauditan yang dibiayai pihak luar. En Azunan juga membangkitkan keperluan diwujudkan mandat tertentu apabila strategi ‘Blue Ocean Strategy’ ingin diimplementasikan.

Pembentangan panelis kedua iaitu Pn. Rosni Razali mengenai cabaran menjayakan transformasi kerajaan lebih bertumpu kepada maklumat berbentuk *high-level*. Dalam penerangan beliau perkara-perkara berkaitan dengan amalan terbaik pengurusan dan juga ekspektasi yang berkaitan telah diperjelaskan seperti hubungkait cabaran yang dihadapi dengan inovasi, teknologi, perubahan organisasi dan globalisasi. Puan Rosni juga menyentuh tentang kaedah pendekatan terkini seperti *risk-based* sudah semakin meningkat keperluannya dalam pelaksanaan pengauditan berdasarkan scenario semasa.

Panelis ketiga pula iaitu Pn Rokiah Saad memberikan focus persembahan beliau kepada keupayaan seseorang ketua audit dalam itu sendiri mengukuhkan kecekapan dan kompetensi menghadapi cabaran dalam urusan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab seharian. Pendekatan *soft skill* dilihat banyak membantu kelicinan pengurusan pelaksanaan pengauditan yang dijalankan di UUM. Engagement dan juga knowledge sharing antara ketua-ketua audit dalam IPTA dilihat mampu member input yang baik dalam memastikan mendapat kaedah dan idea terbaik melaksanakan pengauditan.

Sesi soal – jawab

1. Dato' Che Isa Che Kob

Melaksanakan kerja seperti yang sepatutnya dan tidak melibatkan transformasi.
Cth : 1000 akaun amanah, melibatkan transformasi.kalau audit 100 percent akan jadi operasi

How? Dengan kekangan staff

Bila isu dalam LKAN diketengahkan – apa UAD buat. Repetitious issuses.
Dapatan audit perlu menjadi tindakan kepada UAD untuk transform.

Jawab balas

Azunan – self auditing. Akaun amanah, hantar soal selidik dan bila telah dijawab maka akan dipilih sample. Self auditing boleh dipertikaikan kerana kemungkinan 100% ok tapi bila diaudit sebenarnya tidak ok.

Rosni – perspektif akaun akruan dalam akaun amanah. Ikut principal perakaunan debit dan kredit. Daripada polisi akaun amanah kita boleh tentukan kaedah yang digunakan.

2. Ungku Mohamad Alhady

Memperkasakan instituisi audit melalui mandate yang diberikan.

Peranan staff audit Negara boleh masuk untuk bekerja di mana-mana. Bagaimana memastikan prinsip kebebasan terjamin, tiada campur tangan daripada pihak pengurusan yang menyebabkan berlakunya situasi yang diterangkan oleh Dato' Che Isa.

Jawab balas :

Rokiah - Laporan audit dibentangkan di JK audit. Belum ada pengalaman isu digugurkan. Degree sense of belonging tinggi dan tidak mahu isu berbangkit menjejaskan UUM. Independence melalui sense of belonging.

Moderator : risk management process. Ensuring the governance and independence in your heart.

Azunan- ada tempat yang ada kebebasan dan ada yang tidak. Dalam agensi memang independence memang orang yang dilantik daripada luar. Di kementerian mungkin berbeza. Pengauditan memang tiada masalah boleh dilaksanakan.

Rosni – pengerusi JPKA. Verifikasi asset alih. Pihak akauntan menyuruh UAD verifikasi baki. Saya tidak akan buat

Isu yang sama dalam LKAN, belum ada gp yang jelas berkenaan dengan kawalan risiko. Isu berulang kerana ekspektasi dan perception tentang isu itu adalah remeh atau minima. Isu subsidi minyak –ada penyelewengan minyak. Subsidi minyak untuk

Risiko yang banyak dalam industry pertanian kerana terlalu banyak subsidi kepada petani dan nelayan. Kita tidak war-warkan kepada media.

Puan Holesoh (UAD JPA)- transformasi di JPA. Bersetuju dengan Dato' Che Isa, fungsi dan peranan UAD.

Pengurangan perjawatan, mcm mn nk buat utk peyampaian terbaik, melalui indeks akauntabiliti, indeks pematuhan, based on that utk self assessment. Di situ kita akan buat lawatan untuk pengesanan.

Nilai bersama bila auditi adakan program bersama, kita ada bersama utk mengetahui isu.

Di JPA ada SME, kita bersama mereka untuk melahirkan SME

Struktur organisasi – klu nk yg lebih structured, kita jpa lbh kpd mengikut PTJ

Puan Farizah (BBP)- pandangan kpd ahli panel, en azunan pengurusan risiko. Di audit Negara kita hendak memberi pendapat adalah melaui identify fraud. Cabaran kpd uad. UAD mengenal risik mengikut each level, first defense agency. Bilaa ju

Ahli iia ada assessment setiap tahun, pematuhan audit dalam pd IIA, lebih kpd risiko identity itu sendiri. Bagaimana ini ditransformkan dalam UAD.

Azunan, bbp dan kementerian tertinggal dlm pengauditan audit risk. Kna ada perancangan terperinci utk audi risk bg mismgt. Mengurangkan risiko kpd agensi. Polisi itu sendiri blm ada polisi kecuali yg besar2. Klu agensi sederhana blm ada polisi.

Ganesh rao – BADSA MINDEF

Kita boleh melaporkan isu kpd KAN ATAU yab MENTERI. Pandangan drp panel bgaiman mekanisma pematuhan kita terhdp arahan ini . Penubuhan JITU. Kita dan KSU,

Integrity adalah embed sekali dalam akauntabiliti. IN CARING OUT , KITA COMPLY ON THAT,

Seruan untuk mentransformasi di mn kami d letak,

Rumusan Sesi I : Isu Dan Cabaran UAD Dalam Menjayakan Program Transformasi Kerajaan

Slot perbincangan pada hari pertama memberi ruang kepada UAD untuk mengetengahkan isu dan cabaran yang di hadapi oleh mereka dalam bergerak seiring dengan program transformasi yang sedang dilaksanakan di peringkat nasional dan jabatan khususnya. Perbincangan ini membuka mata pegawai audit yang lain dalam memahami peranan dan fungsi malah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Oleh yang demikian, beberapa perkara pokok telah dikenalpasti semasa perbincangan ini iaitu :

1. Kaedah transformasi dapat di rangka selepas mengenal pasti jurang yang wujud antara ekspektasi stakeholders dan juga tindakan yang telah dilaksanakan dengan mengambil kira perubahan semasa sektor awam.
2. Implementasi kaedah risk based audit yang boleh membantu dalam menangani cabaran pengauditan di dalam audit dalam contohnya pemilihan sampel di mana kuantiti akaun amanah mahupun aktiviti kementerian/agensi semakin bertambah.
3. Kerjasama erat antara audit luar dan audit dalam dalam memastikan tindakan di ambil memberi impak positif di mana ia dapat mengurangkan isu-isu berulang. Tindakan susulan yang efektif dapat dilaksanakan di mana UAD merupakan pihak yang boleh memberi khidmat nasihat dalam memastikan tadbir urus yang cemerlang dan berintegriti.
4. Perubahan semasa dalam arena perakaunan dan pengauditan juga turut memberi kesan kepada UAD dalam memperkasakan skill dan kualiti pengauditan. Perakaunan akruan dan kaedah risk based audit merupakan salah satu perubahan yang perlu didepani oleh pihak UAD dan merangka satu strategi yang realistic untuk di capai di mana kekangan daripada segi bilangan pegawai, peruntukan, pengurusan atasan dan yang paling utama peraturan dan undang-undang perlu di ambil kira. Strategi lautan biru menjadi aspirasi dalam merangka startegi ini.
5. Isu integriti dan kebebasan tidak dapat dipisahkan kerana UAD merupakan jambatan di antara kementerian/agensi dan juga audit luar (JAN Khususnya). pihak UAD perlu bijak dalam memastikan situasi ini ditangani dengan baik

kerana tmereka perlu memastikan tadbir urus pihak agensi/kementerian adalah terbaik dan juga perlu mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan oleh audit luar.

6. Latihan yang lebih fokus perlu di bentuk dalam memperkasakan pegawai-pegawai UAD dalam mendepani cabaran semasa. Latihan ini merangkumi latihan yang dianjurkan oleh badan professional seperti institut Juruaudit dalaman (IIA) dan juga latihan yang dianjurkan oleh pihak JAN dan kementerian.

SESI II

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Para pembentang pada sesi II merupakan slot perkongsian pengalaman pegawai audit daripada latar belakang yang berbeza seiring perubahan dalam sektor perakaunan iaitu penggunaan ICT dalam pengauditan, pelaksanaan Goods and services tax (GST) di mana ruang untuk fraud berlaku dan

PEMBENTANG KERTAS KERJA 1 : PENGAUDITAN ICT - KEPERLUAN ISU DAN CABARAN OLEH TN. HJ. Y HAMDAN MOHD DOM

ICT Mempercepatkan pengauditan dan juga menghasilkan audit yang lebih berkualiti.

Belum ada ISSAI yang spesifik untuk ICT tetapi dikatakan akan diwujudkan pada tahun 2016.

Malaysia menghadapi penurunan dalam ranking dalam benchmarking of the e government.

System di sektor awam yang perlu dilihat kerana mempunyai risiko-risiko untuk penyelewangan. IT audit tidak boleh diletakkan dalam audit ICT tetapi semua perlu terlibat termasuk UAD.

Menyemak kawalan-kawalan ICT dalam pengauditan.

Kawalan-kawalan am dalam pengauditan telah dirancang sehingga tahun 2020.

1GFMS – memahami proses secara keseluruhan dapat memahirkan juruaudit dalam melaksanakan pengauditan dengan berkesan.

Mengaudit authorization system – kawalan password.

Kawalan aplikasi

GFMS berdiri sendiri. Sisitem lain akan diintegrasikan kepada GFMS di mana verifikasi input daripada sistem lain perlu di ambil kira. Oleh yang demikian, juruaudit juga perlu mahir dalam sistem yang berkaitan. Begitu juga dengan negeri system tanah yang akan berintegrasikan dengan SPEKS. Sistem pencen juga perlu dilihat.

4.75 million pengesahan data telah dilaksanakan. Top down
Persampelan perlu dibincangkan. Pengauditan seasa interim
Dinamik- juruaudit perlu kreatif
Kedepankan ACL – maju ke depan
Verifikasi data untuk memastikan hasil tanah benar-benar datang daripada
system yang betul.

Kemahiran dalam Tools dan pengauditan
Pelan strategic mengambil kira kewangan dan juga pembagunan sumber
manusia. Pakar-pakar yang berkemahiran di kekalkan supaya pengauditan ICT
dapat dikembangkan.

PEMBENTANG KERTAS KERJA 2 : GST DAN FRAUD **OLEH EN. PAUL CHAI SIN NGEE**

RMK 11 mencartakan Malaysia sebagai Negara berpendapatan tinggi. Tanpa
hasil Negara pembangunan Negara tidak akan Berjaya.

Definisi

Bukan cukai baru tetapi meggantikan cukai sedia ada.

Cukai jualan (1972) dan cukai perkhidmatan (1975).

Pembekalan berkadar sifar

Pembekalan dikecualikan

Kesan Ke Atas Harga Barang Dengan Pelaksanaan GST adalah seperti di
bawah :

532 daripada 944 barang dan perkhidmatan dalam Indeks Harga Pengguna
(56%) dijangka mengalami penurunan harga sehingga 4.1%.

354 daripada 944 barang dan perkhidmatan dalam Indeks Harga Pengguna
(38%) dijangka mengalami kenaikan harga tidak melebihi 5.8%.

(Ucapan Bajet 2015 Oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014)

Fraud dalam GST

Berdasarkan Uk terdapat jenis fraud dalam GST

Fraudulent behaviour contributes to the VAT tax gap in a number of areas:

1. Hidden or shadow economy fraud.
2. Suppression of revenues.

3. MTIC fraud.
4. Repayment fraud.
(UK National Audit Office Report on HM Revenue & Customs 2012 -13 Accounts : Part Three "Tackling VAT Fraud")

Penipuan dalam GST boleh dilakukan oleh peniaga dan juga pengguna dalam mengelakkan pembayaran cukai kepada kerajaan.

Risiko GST Fraud Di Malaysia

1. Unregistered Taxable Persons (Shadow Economy Fraud)

Yang sepatutnya berdaftar tetapi tidak berdaftar:

- a) *World Bank Policy Research Working Paper* (July 2010): *Shadow economy* di 88 negara membangun:
purata untuk tahun 1999 – 2006: antara 12.8% - 66.9% daripada GDP.
Ranking Malaysia - no. 28 dengan 31.6%.
- b) GDP Malaysia tahun 2006 = RM277.7 bilion [Laporan Tahunan BNM]
- c) *Shadow economy* di Malaysia = RM87.75 bilion.
- d) Wajib daftar (deadline 31 Dis. 2014) = 300,000 (estimate)
- e) Telah daftar (setakat 14 Nov. 2014) = 143,938 (48%)

2. Suppression Of Sales

Companies that understate total sales.Negotiated invoice amount. Invois yang dikeluarkan kurang daripada jumlah yang sepatutnya dan menyebabkan

Kes restoran tidak membayar Cukai Perkhidmatan (6%):

Restoran dibuka pada 12 Oktober 2011.

Diberi lesen kutip CP mulai 7 Mac 2012.

Tidak serah penyata CJP No. 1 bersama pembayaran CP selama satu tahun (sepatutnya setiap 2 bulan sekali).

Pihak Kastam tidak ambil tindakan lanjut walaupun SOP menetapkan:

Bagi pemegang lesen yang tidak mengemukakan penyata dan pembayaran cukai bagi suatu tempoh bercukai, surat peringatan hendaklah dihantar dengan serta-merta; dan

lawatan dilakukan dengan segera apabila masih mempunyai tunggakan penyata dan pembayaran cukai selepas surat peringatan telah dihantar.

PENGALAMAN MENGENAI SIASATAN LAPORAN AUDIT

OLEH : ISKANDAR AMRAN

Institut perakaunan kerajaan – projek tanam rumput. Tidak tanam sepenuhnya.

Pemahaman proses sebelum menjalankan siasatan contohnya proses perolehan dan projek. Ini adalah penting dalam memastikan pegawai melihat sesuatu audit secara keseluruhan dan boleh membentuk pemikiran yang kritis dan kreatif.

Berhubung isu ketirisan, ketua jabatan memainkan peranan kerana setiap pembelian dan perbelanjaan dalam sesuatu jabatan diluluskan oleh ketua jabatan. Orang ramai pula tidak boleh terus menerus menyalahkan pihak SPRM dan polis kerana dalam undang-undang, kecuai dan kelalaian bukan satu jenayah dan tidak boleh dituduh di mahkamah. SPRM hanya menyiasat kesalahan memberi rasuah, menerima rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Siasatan audit dan SPRM berbeza kerana mandate dan peranan yang termaktub dalam akta masing-masing. Audit tidak boleh mengenakan tindakan contohnya apabila pihak auditi perlu menyediakan dokumen yang diperlukan sekiranya tidak pihak audit hanya boleh menyatakan dalam laporan bahawa dokumen tidak dikemukakan.

Qs 1 :Johari Ismail

Inject virus dalam system kerajaan bagi menilai sejauh mana kekuatan system kerajaan. Pihak agensi hanya menyedari pada keesokan harinya. System kerajaan tidak responsive kepada perkara-perkara yang tiak di jangka.

GST – pembentangan tidak menyatakan sejauh mana kawalan harga di laksanakan oleh kerajaan.

Y Hamdan

Mengharapkan tranformasi menyediakan keperluan untuk ICT seiring dengan perubahan semasa.

Paul

KPDKK akan mengeluarkan garis panduan kawalan harga dalam membendung kenaikan harga. Barang-barang yang hendak dijual tidak boleh berpakat kenaikan harga.

Qs 2 : Roslan

Proses bukti – testimonial adalah sangat penting. Temuduga dengan saksi dan mungkin boleh berkongsi corak siasatan dengan bukti audit. Borang-borang yang digunakan untuk tujuan ini. Menggunakan perakuan oleh saksi untuk tujuan siasatan.

Iskandar

Latihan Keadah siasatan yang boleh dilaksanakan. Dokumen yang difotokopi boleh digunakan dengan syarat perlu diperakukan oleh pihak auditi. Pihak audit boleh melaksanakan apa yang dilaksanakan oleh SPRM dengan syarat kita mempraktikkan apa yang terdapat dalam akta.

Qs 3 : sejauh mana faedah GST dapat diberikan kepada pengguna?

Paul Chai

Tanpa GST hasil Negara

Hasil Negara adalah daripada petronas dan cukai. Tanpa hasil bagaimana nak bangunkan Negara. Memnbagunkan Negara memberi hasil kepada rakyat.

Shadow ekonomi adalah masalah utama semua Negara. Perbezaan pembayaran semasa penggunaan sales tax dan GST.

Qs 4 : rancangan masa akan datang pengauditan yang boleh diintergrasikan dengan GIS dan remote sensing.

Y Hamdan

Pihak GIS dan RS boleh menyediakan data berdasarkan dengan kerjasama yang telah dijalinkan.

Rumusan Sesi II :

Keperluan kepada pengauditan ICT semakin meningkat seiring dengan perubahan penggunaan teknologi di sektor awam. Kaedah pengauditan perlu lebih dinamik di mana sistem-sistem kerajaan berbeza di antara satu sama lain. Bagaimanapun sistem-sistem ini akan diintegrasikan dan setiap satu sistem menjadi input kepada sistem yang lain. Pengauditan ICt bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada Bahagian Pengauditan ICt tetapi merentasi semua jenis pengauditan. Integriti data merupakan salah satu elemen penting yang perlu di ambil kira selain daripada kawalan am.

Fraud dalam GST tidak dapat dielakkan kerana shadow economy mempunyai kebarangkalian yang tinggi. Malah United Kingdom juga tidak dapat mengelak daripada berlakunya shadow economy walaupun telah melaksanakan GST selama 40 tahun. Penipuan akan sentiasa berlaku sekiranya ada ruang dan peluang. Bagaimanapun Malaysia perlu melaksanakan GST menggantikan cukai di mana ia memberi faedah kepada pembangunan Negara dan rakyat.

Jabatan audit Negara menjalankan pengauditan dan SPRM melaksanakan siasatan, bagaimanapun pendakwaan tidak dapat dilaksanakan kekangan kuasa,

perundangan dan kelemahan penguatkuasaan (terdapatnya klausa akta yang dikuatkuasakan).

SESI II

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

ISSUES AND CHALLENGES OF AUDITING ACCRUAL COMPLIANT ACCOUNTS IN THE PUBLIC SECTOR OLEH EN. TING CHOO WAI

Perubahan dalam landskap perakaunan memberi impak kepada cara pengauditan dilaksanakan. kaedah yang lebih dinamik adalah sangat diperlukan. Pemahaman terhadap standard MPSAS adalah perlu dalam memastikan kaedah audit yang digunakan adalah efektif. Pematuhan kepada ISSAI juga tidak ketinggalan dalam memastikan pengauditan adalah lebih holistic. Juruaudit h

Materialiti berasaskan kepada item yang diaudit. Pertimbangan juruaudit adalah penting semasa pengauditan bagi memastikan bukti audit yang relevan dan munasabah dalam menyokong pendapat audit.

Kawalan dalaman khususnya dalam IT adalah aspek penting dalam melaksanakan pengauditan yang berkualiti. kaedah pengauditan selaras dengan jenis-jenis asset dan laibiliti perkhidmatan awam adalah berbeza mengikut jenis kementerian dan agensi.

Bukti – memerlukan pertimbangan professional dan memerlukan kepada pemahaman MPSAS yang tinggi supaya penilaian yang dibuat adalah munasabah dan boleh diterima pakai.

SHARIAH COMPLIANCE OLEH EN. AHMAD NASRI ABDUL WAHAB

Shariah compliance memperkenalkan kepada jruruaudit beberapa perkataan baru dalam bidang muamalat atau kewangan islam seperti musyarakah (profit sharing), ijarah, mudharabah dan murabahah. Consideration required to comply with the minimum requirement of Shariah Committee report in Shariah Governance Framework. Scope of shariah audit tidak melibatkan materailti tetapi elemen utama yang menjadi tunjang adalah pematuhan kepada syariat islam. Selain daripada tadbir urus korporat ia mempunyai tambahan kepada pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah dalam kewangan islam.

Terdapat 3 jenis shariah compliance iaitu shariah review, shariah audit dan shariah risk management. Shariah review dilakukan oleh pegawai yang mempunyai kelulusan dalam bidang ini. Shariah audit function dilaksanakan oleh unit audit dalam tetapi boleh

di *outsource* manakala shariah risk management dilaksanakan pegawai yang mempunyai kemahiran bidang ini dan boleh juga di *outsourcekan*.

pematuhan syariah mempunyai kerangka kerja sama seperti pengauditan konvensional iaitu mempunyai prosedur dan semakan yang mencukupi seperti di dalam piawaian yang ditetapkan. Hanya peraturan sahaja yang berbeza kerana mempunyai prinsip-prinsip syariah. Ia bermula dengan perancangan yang melibatkan strategi audit, penilaian risiko, mengenalpasti baki transaksi dan semakan minit mesyuarat.

Qs 1 : Alias Alwi

MPSAS

Government spend money for project but the it is losses , but then giving social benefit to the community,

Answer by Mr. Ting

MPSAS is tuned to public sector which the income statement is not the main concern of the govt. balance sheet is important which assets and liabilities are reflected the true financial condition of the government.

Social obligation for example Defense budget is underspending by Malaysia.

Moderator : now government is adopting outcome based budget which will be

Qs 2 : Rosni Razali

Who is the owner of the financial statement? MPSAS 1 is related to Accountant General or controlling officer.

Internal Auditor not supposed to verify the account balances.

Owner is the ministry. Signed off will be by the Secretary General.

KSU is the accountable

AG is the responsible party

UAD will be level 2

NAD will be level 3, which will be vouched everything which know the control environment.

3 levels control framework.

UAD akan test ketepatan berdasarkan sampel sekiranya tidak menepati peraturan dia akan memberitahu kepada kementerian untuk memperbaikinya.

Kos projek 100 juta , 50 juta federal 50 negeri, consultasi kos

Bangunan yang dibina pada tahun 1970 berkos 70 juta

Abandon pada

Tanah – berasaskan Kanun tanah Negara. Bukan dimiliki oleh kerajaan tetapi dimiliki oleh pihak ketiga. Sekolah ditutup

Siapa yang memiliki tanah bukan siapa yang membayar duit. Konsep perakaunan adalah berdasarkan kos, JPH menilai harta-harta yang dimiliki oleh kerajaan.

Kos –kos yang perlu capitalized dan diexpenses

Moderator : finally goes back to the legal framework and accounting standard.

Qs 3 : Rokiah Saad.

Distribution of zakat really been distributed to the asnaf?

Answer: compliance of the distribution, lembaga zakat really knows the distribution. The question of does it really goes to them that is really done need to be based on their policies and procedures. Validity of the transfer is need to goes back to the operational officer.


SESI II

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

CADANGAN PELAN TINDAKAN PENCAPAIAN LEVEL 4 INTERNATIONAL STANDARDS OF SUPREME AUDIT INSTITUTION (ISSAI) OLEH PN. FARIZAH HARMAN

- iCATS Assessment :

- To assist SAs in mapping current audit practices to ISSAI requirements
- To assess the SAI's present level of compliance.



- Based on the **531** requirements of ISSAI Financial Audit Level 4:
 - **418 (78.72%)** requirements have fully complied with ISSAI.
 - **45 (8.47%)** requirements are partly met complied with ISSAI.
 - **24 (4.52%)** requirements not comply with ISSAI.
 - **44 (8.29%)** requirements are not applicable to SAI.
- Based on the **121** requirements of ISSAI Performance Audit Level 4:
 - **93 (76%)** requirements have fully complied with ISSAI.
 - **23 (20%)** requirements are met to some extent.
 - **Only 1 (1%)** requirements not comply with ISSAI.
 - **4 (3%)** requirements are not applicable to NAD.
- 8 Major Non Compliances (FA)

NO	ISSAI
1	ISSAI 1240 - The Auditor's Responsibilities Relating to Fraud in an Audit of Financial Statements
2	ISSAI 1402 - Audit Considerations Relating to an Entity Using a Service Organization

3	ISSAI 1540 - Auditing Accounting Estimates, Including Fair Value Accounting Estimates, and Related Disclosures
4	ISSAI 1550 - Related Parties
5	ISSAI 1600 - Special Considerations – Audits of Group Financial Statements (Including the Work of Component Auditors)
6	ISSAI 1620 - Using the Work of an Auditor's Expert
7	ISSAI 1805 - Special Considerations – Audits of Single Financial Statements and Specific Elements, Accounts or Items of a Financial Statement
8	ISSAI 1810 - Engagements to Report on Summary Financial Statements

- Reasons For Non-Compliance (PA)

NO.	ELEMENTS	STATUS		REASON FOR NON-COMPLIANCE (Numbers Of Requirements)			
		Not Met	Met To Some Extent	Lack Of Mandate/ Policy	Lack Of Documentation	Lack Of Skills	Lack Of Resources
1	Mandate, Strategy and Vision	√	-	1	-	-	-
2	General Principles	-	-	-	-	-	-
3	Strategic Planning	-	-	-	-	-	-

4	Planning of Individual Performance Audit	-	√	-	2	2	-
5	Conducting and Reporting	-	√	2	12	2	-
6	Follow Up	-	√	-	1		
7	Quality Control and Assurance	-	√	-	-	1	1

- **Action Plans (FA)**

Review Policy/ Mandates

- Updating Audit Guidelines (Financial Audit/ Performance/ Quality Assurance/ Compliance)

Capacity Building

- Peer Reviews – ISSAI 5600
- JAN Transformation Plan
- Forum (Web Based/ Social Media Group)
- Conduct iCATS (CA)

ISSAI Facilitator Action Plan (KPI)

To Report to Authority on Fraud (Confidentiality – Legal)

IT Controls Audit Team

Arahan KAN 1/2014

Modified Audit Report - insufficient audit evidence (Service Organisation)

Engagement Auditing

- Summary Financial Statements
- Single Financial Statements and Specific Elements, Accounts or Items of a Financial Statement

- **Action Plans (PA)**

Lack of Mandate/Policy

- Proposal to amend Audit Act 1957
- AG instructed to highlight the issue to PEMANDU.
- To clarify procedures in Draft Performance Audit Guidelines/Issued separate instructions by AG or Deputy AG.

Lack of Documentation

- Due to lack of exposure and enforcement of using these guidelines, auditors tend to skip proper documenting process in the working paper. Apart from that, based on the feedback from the audit teams time constraints are also being a factor of improper documenting process.
- AG had instructed Research Unit to do analysis/study on appropriate period in conducting Performance Audit.
- Close monitoring at Branches and Sectors Level at regular basis.
- To clarify procedures of documentation

Lack of Skills

- Continuous exposure to ISSAI best practices.
- Continuous training in Performance Audit to have auditors understands and increased their abilities to conduct Performance Audit.
- To enhance the professionalism of the auditors, NAD proactively conducting training in performance audit methodology, investigation methods, statistical sampling, data-gathering techniques and data analysis.
- Provide hands on training to field work auditor.
- Selection of Performance Audit team members that have vast experiences and competent.

Lack of Resources

- Appoint Senior/Experience Officers to conduct post QAR at Department Level.

ASOSAI RESEARCH PROJECT ON FRAUD AND MONEY LAUNDERING OLEH EN. WILLIAM YAPP THOU KIONG

Belum masuk slide.

RESOLUSI PERSIDANGAN JURUAUDIT TAHUN 2014

II. SESI FORUM – “ISU DAN CABARAN UNIT AUDIT DALAM BAGI MENJAYAKAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN”

Sesi ini telah dikendalikan oleh Pn. Hj Kartina bt Zamhari, Ketua Timbalan Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara. Para panelis ialah En. Azunan Bin Daud (Ketua UAD

Kementerian Belia dan Sukan), Pn Rosni Razali (Ketua UAD Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi) dan Pn Rokiah Saad (Ketua UAD Universiti Utara Malaysia). Antara perkara yang ditekan oleh panelis ialah:

1. Juruaudit Dalam perlu diberi latihan dalam bidang pengauditan dan yang berkaitan supaya tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa. Perlunya penyelarasan pengauditan antara UAD/agensi di bawah kementerian yang sama dan JAN. Beliau juga menekan kepada strategi lautan biru;
2. Kaedah *Risk Based Audit* dapat membantu dalam menangani cabaran pengauditan di UAD seperti pemilihan sampel; dan
3. Peranan Juruaudit Dalam bukan hanya setakat mengaudit tetapi juga memberi khidmat nasihat kepada pengurusan organisasi. Oleh yang demikian, perlu kemahiran *interpersonal skill* selain daripada pengetahuan teknikal pengauditan.

Beberapa perkara yang dirumuskan ialah keperluan komunikasi yang berkesan antara JAN dan UAD bagi membantu menangani isu-isu berulang; mandat kebebasan UAD dalam melaksanakan pengauditan; penglibatan UAD dalam agenda transformasi Kementerian/Jabatan masing-masing; keperluan UAD menggunakan *risk-based audit* berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan persoalan hubungan UAD apabila mereka diminta secara langsung melapor kepada Ketua Audit Negara

III. SESI PEMBENTANGAN

Sesi Pembentangan Pertama telah dimudahcarakan oleh YBhg. Datuk Juhari Bin Haron, Pengarah Bahagian Susulan Audit. 3 topik telah dibincangkan iaitu:

- Pengauditan ICT – Keperluan, isu dan cabaran;
- *GST and Fraud*; dan
- Pengalaman Mengenai Siasatan Laporan Audit.

Pembentang pertama, Tn. Hj. Y Hamdan Bin Mohd Dom (TPA Bahagian Pengauditan ICT, Sektor Audit Khas & Penyelidikan - SAK&P) menghuraikan tentang keperluan pematuhan standard pengauditan INTOSAI iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs) yang menghendaki institusi audit mengaudit sistem sebelum menjalankan pengauditan penyata kewangan. Selain itu, penggunaan sistem-sistem terkini dalam pengurusan kewangan Kerajaan seperti SAP memerlukan JAN mewujudkan pakar dalam bidang tersebut dan memantapkan kemahiran pengauditan ICT. Penggunaan ACL sebagai tools untuk melaksanakan pengauditan semakin meluas dan memerlukan kepada membuat skrip yang lebih khusus yang merangkumi semua sistem-sistem digunapakai oleh agensi Kerajaan.

En. Paul Chai Sin Ngee (TPA Bahagian Pengauditan Kastam, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan) berkongsi maklumat tentang peranan pengeluar, pemborong dan pembekal dalam proses pembayaran GST pada April 2015; fakta mengenai pelaksanaan GST di negara-negara maju yang merangkumi faedah, kelemahan dan risiko.

Pembentang seterusnya, En. Mohd Iskandar Bin Imran (PPA, Sektor Pengurusan) telah berkongsi pengalaman beliau dalam melaksanakan operasi siasatan bersama SPRM. Jaringan kerjasama dengan JAN, agensi-agensi penguatkuasaan lain perlu dipertingkatkan.

Dalam sesi soal jawab, antara perkara yang dirumuskan ialah:

- Keperluan Kerajaan memantapkan kawalan keselamatan kepada semua sistem pengkomputeran. Adalah diusulkan perkara ini diberi perhatian dalam perBincangan transformasi JAN;
- KPDNKK akan mengeluarkan garis panduan mengenai penetapan harga barang dan perkhidmatan untuk rujukan. Ini adalah bagi memastikan tiada unsur-unsur eksploitasi pihak-pihak tertentu semasa pelaksanaan GST;
- Bukti secara *testimonial* perlu didokumenkan dengan lengkap sebagai bahan bukti audit; dan
- Cadangan agar juruaudit diberi elaun khas seperti pegawai SPRM

En. Zaaba Bin Zainuddin, Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah mengendalikan **Sesi Pembentangan Kedua** yang membincangkan mengenai *Issues and challenges of auditing accrual compliant accounts in the public sector* dan *Syariah Compliance Audit*.

En. Ting Choo Wai, Pengarah Eksekutif, PWC menekankan terdapat 3 perubahan besar iaitu bilangan penyata kewangan yang akan bertambah, keperluan mematuhi MPSAS sebagai piawaian perakaunan yang diterima pakai dan kaedah melaksanakan pengauditan. Pendekatan pengauditan merangkumi 3 fasa utama – pemahaman yang mendalam tentang sistem perakaunan; penilaian risiko dan penetapan materialiti yang akan memerlukan *professional judgment* juruaudit; dan bentuk pelaporan. Antara cabaran ialah penetapan materialiti, keperluan untuk menilai sistem ICT dan pengumpulan bahan bukti audit.

En. Ahmad Nasri Bin Abdul Wahab, Rakan Kongsi KPMG menghuraikan tentang pengauditan pematuhan syariah seperti terma-terma, piawaian, jenis pematuhan, jawatankuasa tadbir urus hal berkaitan syariah dan rangka kerja pengauditan

Perkara-perkara yang dirumuskan adalah seperti berikut:

- Pemahaman terhadap terma, standard dan peraturan, sistem perakaunan, pengiktirafan transaksi perakaunan amat penting bagi melaksanakan pengauditan akruan;
- Perlunya pemahaman yang jelas tentang peranan pengurusan agensi, akauntan, UAD dan JAN dalam persekitaran akruan; dan
- Keperluan pegawai yang mengaudit syariah mempunyai kelayakan profesional kewangan Islam.

Sesi Pembentangan Ketiga dikendalikan oleh Pn. Ong Swee Leng, Pengarah, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Dua tajuk yang dibincangkan ialah Cadangan Pelan Tindakan Pencapaian Level 4 ISSAI oleh Pn. Farizah bt Harman (KPPA, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan) dan *ASOSAI Research Project on Fraud and Money Laundering* oleh En. William Yapp Thou Kiong (KPPA Bahagian Kajian Khas, SAK&P)

Antara perkara yang dirumuskan ialah:

- Tahap pematuhan JAN kepada ISSAI Pengauditan Penyata Kewangan peringkat 4 (1000 – 1899) adalah 79% dan ISSAI Pengauditan Prestasi peringkat 4 (3000 – 3999) adalah 76%. Peratusan pematuhan ini perlu dipertingkatkan untuk mencapai pematuhan lebih daripada 90%;
- Secara umumnya, antara pelan tindakan pencapaian peringkat 4 ISSAI Pengauditan Penyata Kewangan, Pematuhan dan Prestasi ialah melaksanakan komitmen yang telah dipersetujui dengan IDI, melaksanakan iCATs pengauditan pematuhan, semakan semula terhadap polisi dalaman/mandat, mengemaskini garis panduan secara berterusan, pembangunan keupayaan guna tenaga secara berterusan; penerbitan teknikal, forum/perbincangan meja bulat secara *web-based* atau sosial media dan mengadakan KPI fasilitator ISSAI; dan
- Menubuhkan Unit Pengauditan Forensik dan mewujudkan SME *Fraud* serta mengemaskini Manual *Fraud* dan menyedia beberapa manual yang lain seperti pengauditan siasatan, menemuduga dan yang berkaitan.